

Luar Negara



PENUNJUK
perasaan
membakar patung
Ranil Wickremesinghe
ketika protes di hadapan
sekretariat bangunan
presiden di Colombo,
Sri Lanka.
- AFP

Rakyat bantah, protes besar-besaran dijangka berlaku lagi di Sri Lanka

Wickremesinghe Presiden baharu

COLOMBO: Ranil Wickremesinghe dipilih sebagai Presiden Sri Lanka baharu bagi menggantikan Gotabaya Rajapaksa yang melarikan diri ke luar negara dan meletakkan jawatan.

Wickremesinghe berjaya memperoleh sebanyak 134 undi, manakala pesaing utamanya, Dullas Alahapperuma mendapat 82 undi dalam undian rahsia itu.

Ketua parti Janatha Vimukti Peramuna, Anura Dissanayake pula hanya memperoleh tiga undi daripada partinya sendiri.

Calon hanya memerlukan 112 undi untuk meraih kemenangan.

Seorang ahli Parlimen, GG Ponnambalam yang merupakan Ketua Barisan Rakyat Kebangsaan Tamil mengundi berkecuali, manakala seorang lagi penggubal undang-undang, Selvaraja Gajendran tidak menghadiri sesi pemilihan itu.

Terdahulu, Wickremesinghe, Alahapperuma dan Anura masing-masing menamakan Menteri Pelancongan, Harin Fernando serta ahli Parlimen,



Wickremesinghe berjaya memperoleh sebanyak 134 undi, manakala pesaing utamanya, Dullas Alahapperuma mendapat 82 undi dalam undian rahsia.”

Dilan Perera dan Vijitha Herath sebagai wakil untuk memantau proses pengiraan undi berkenaan.

SERU BERSATU PADU

Ketika berucap di Parlimen selepas pengumuman kemenangan itu, Wickremesinghe menyeru semua pihak bersatu padu dan mengorak langkah ke-

hadapan.

Wickremesinghe yang juga Perdana Menteri sebanyak enam kali, menggesa pemimpin lain termasuk pembangkang untuk bekerjasama menangani krisis kewangan negara.

“Tak semestinya perlu menyatakan betapa sukarnya keadaan negara dari segi ekonomi. Kita perlu melaksanakan program baharu untuk maju ke hadapan.

“Oleh itu, saya kini memohon semua pihak mengadakan perbincangan bersama untuk tindakan lanjut menangani krisis dihadapi negara,” katanya.

Tambahnya, beliau berharap untuk mengangkat sumpah pada majlis ringkas di bangunan Parlimen yang dikawal ketat.

Lapor *BBC*, sebelum ini, Wickremesinghe yang mengambil alih sebagai pemangku presiden, turut dicalonkan oleh parti pemerintah bagi menggantikan Rajapaksa.

Malah, perdana menteri itu juga dilihat mendahului saingan tiga penjurur itu.

Namun, penunjuk perasaan membantah pencalonan Wickremesinghe dan mahu beliau juga mengundur diri seperti dilakukan oleh Rajapaksa.

Wickremesinghe kini mempunyai mandat memenuhi baki penggal presiden terdahulu yang sepatutnya berakhir pada November 2024.

Sri Lanka kini menjadi muflis dan bergelut mencari dana untuk membiayai import paling penting seperti bahan api, makanan dan ubat-ubatan.

Negara itu memerlukan kerajaan yang stabil untuk meneruskan rundingan terhenti dengan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi pakej *bailout*.

Pentadbiran dan keluarga Rajapaksa yang memerintah Sri Lanka selama hampir dua dekad dipersalahkan atas krisis berlaku ketika ini di negara tersebut.

Minggu lalu, Rajapaksa melarikan diri ke Maldives selepas puluhan ribu penunjuk perasaan menyerbu kediaman rasminya dan bangunan kerajaan.

Penunjuk perasaan juga menuntut pemimpin politik termasuk Wickremesinghe meletakkan jawatan.

Rajapaksa kemudian meninggalkan Maldives dengan menuju ke Singapura dan secara rasmi mengumumkan peletakan jawatan, Khamis lalu.

JANJI TERUSKAN PROTES

Beberapa penganjur protes sebelum ini berjanji untuk terus melakukan demonstrasi sekiranya Wickremesinghe dipilih sebagai presiden baharu Sri Lanka.

Ini berikutan ramai menyatakan pemimpin itu mempunyai hubungan rapat dengan keluarga Rajapaksa.

“Ketika mula berkuasa, beliau menyatakan akan mengambil tindakan terhadap semua orang termasuk Rajapaksa, namun tidak pernah melakukan apa-apa.

“Jadi, tidak munasabah memikirkan rakyat akan masih mempercayainya lagi,” kata pelajar dikenali sebagai Anjalee Wanduragala. -BBC